

PETUAH AMANAH GURU KEPADA MURID DALAM MEMBENTUK IKLIM DAN EKOSISTEM SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN KARAKTER INSAN MADANI

Rosli Ab. Rahman, Ph.D

IPG Kampus Dato' Razali Ismail,
Kuala Nerus, Terengganu
dr.rosli@ipgm.edu.my

ABSTRAK

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan 'Malaysia Madani' sebagai langkah mengangkat semula martabat negara dan dihormati semula sebagai negara makmur berteraskan enam teras utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Kajian kualitatif ini dilakukan untuk menjelaskan cara petuah amanah guru kepada murid dalam membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI. Sampel kajian ini ialah buku Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Effendy. Instrumen kajian ialah analisis dokumen iaitu buku Tunjuk Ajar Melayu Melayu yang mengandungi lima bab setebal 687 muka surat. Data tentang petuah amanah guru kepada murid terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu pada muka surat bermula dari muka surat 448 hingga 466 sahaja. Tempoh kajian selama dua bulan bermula 15 Januari 2025 dan berakhir 15 Mac 2025. Teori kajian yang digunakan untuk menganalisis data ialah Zhang dan Wildermuth (2009). Berdasarkan dapatan kajian, petuah amanah guru kepada murid dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI melalui penerapan nilai-nilai yang terkandung di dalam buku Tunjuk Ajar Melayu Melayu muka surat 448-466 sesuai dengan enam teras utama yang terdapat dalam Malaysia Madani. Kesimpulannya, petuah amanah guru kepada murid dapat dijadikan rujukan dalam usaha membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI.

Kata kunci: *petuah amanah guru kepada murid, insan MADANI, iklim dan ekosistem sekolah*

ABSTRACT

*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim introduced 'Malaysia Madani' as a step to restore the country's dignity and respect, aiming to become a prosperous nation based on six main pillars: sustainability, well-being, creativity, respect, confidence, and kindness. This qualitative study was conducted to explain how teachers' trust in their advice to students shapes the school climate and ecosystem in the formation of MADANI characters. The sample of this study is the book *Tunjuk Ajar Melayu* by Tenas Effendy. The instrument is document analysis, namely the book *Tunjuk Ajar Melayu Melayu* which contains five chapters of 687 pages. Data on teachers' trust advice to students is contained in the *Tunjuk Ajar Melayu Buku* on pages 448 to 466 only. The study period was two months, starting from 15 January 2025 and ending on 15 March 2025. The theory used to analyze the data by Zhang and Wildermuth (2009). Based on the findings, teachers' trust advice to students can shape the school climate and ecosystem in the formation of MADANI character through the application of the values contained in the book *Tunjuk Ajar Melayu Melayu*, pages 448-466, in accordance with the six main cores found in Civilian Malaysia. In conclusion, teachers' trust advice to students can be used as a reference in efforts to shape the school climate and ecosystem in the formation of MADANI characters.*

Keywords: *teacher's trust advice to students, MADANI, school climate and ecosystem*

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu (BM) sememangnya terkenal sebagai salah satu bahasa utama dunia sejak zaman-berzaman. Bahasa Melayu juga telah digunakan secara meluas oleh para pedagang dan pembesar Barat yang berurusan dengan pemerintah di Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu terus berkembang sehingga menjadi bahasa komunikasi. Terdapat pelbagai catatan tentang penggunaan bahasa Melayu telah dikesan dalam urusan pentadbiran, perdagangan, kesusasteraan, dan sosial. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan pelbagai dokumen bertulis seperti, kitab, warkah/surat sosial, surat perjanjian antara pemerintah Barat dan para pedagang dengan para pemerintah di sekitar kepulauan Melayu (Gallop, 1994 & Abdul Razak Abdul Karim, 2006).

Penggunaan bahasa dalam konteks yang lebih luas meliputi bahasa Melayu tinggi, aspek bahasa berbudaya dan aspek kesantunan berbahasa. Ketiga-tiga aspek ini menjadi elemen utama terhadap pengukuran tahap penguasaan bahasa Melayu seseorang pengguna, selain penggunaan unsur linguistik. Sebagai simbol dalam kehidupan bersosial, penggunaan bahasa yang tepat, sesuai dan sempurna melambangkan identiti kelompok dan sosiobudaya masyarakat penggunaanya (Khairulanuar Ismail et al., 2021). Istilah bahasa berbudaya belum cukup dikenali dalam kalangan masyarakat. Bahasa berbudaya ialah bahasa yang sarat dengan unsur-unsur stilistik seperti simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah atau dengan istilah stilistik Barat, bahasa yang dibumbui metafora, simile, personifikasi, depersonifikasi, hiperbola, anafora, rima, asonansi, aliterasi dan yang lain (Awang Sariyan, 2019). Bahasa yang memiliki nilai estetik yang tinggi dan mesejnya mengandungi unsur-unsur keindahan, serta susunan perkataan dan aspek rentak iramanya indah disebut bahasa yang indah (Nik Safiah Karim, 2015).

Perilaku amalan bahasa berbudaya merujuk kesantunan berbahasa dan gaya yang ditunjukkan dalam tingkah laku yang santun dapat dilihat dalam elemen linguistik dan non-linguistik yang melibatkan bahasa tanpa lisan (Marlyna Maros, 2011). Pemilihan perkataan yang baik dan cara menuturkan perkataan berkenaan dalam situasi tertentu berdasarkan tujuan ujaran misalnya untuk menyapa, meminta, mencurahkan perasaan, mengarah, atau mempengaruhi seseorang. Kesantunan dalam berbahasa menyerlahkan perbezaan sifat kemanusiaan dengan makhluk yang lain (Mohd Luqman, Hidayat Ismail dan Ahmad Fuad, 2016). Buku Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Effendy (2004) mengungkapkan keindahan pemilihan kata dan makna yang terkandung di dalam setiap perkataan tersebut.

Kandungan yang terdapat di dalam buku Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Effendy (2004) sangat menjurus kepada pendidikan madani ke arah pembangunan karakter. Hal ini sesuai dengan konsep 'Malaysia Madani' yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai langkah mengangkat semula martabat negara dan dihormati semula sebagai negara makmur berteraskan enam teras utama. Enam teras utama iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Permasalahan Kajian

Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu sudah tidak dapat dipertikaikan lagi. Bahasa Melayu sepatutnya digunakan secara berleluasa dalam pelbagai situasi, sama ada dalam penulisan mahupun

pertuturan. Namun, penggunaan BM dalam pelbagai urusan tidak diambil berat oleh pengguna BM. Penggunaan BM yang tidak menepati nahu tatabahasa, kasar dan tidak berbudaya berlaku secara berleluasa. Penggunaan dialek dalam penulisan *WhatsApp Group* juga berlaku secara berleluasa (Nor Akhmarisha, 2017). Oleh itu, kajian tentang kandungan yang terdapat di dalam buku *Tunjuk Ajar Melayu* karya Tenas Effendy (2004) dapat membantu pengguna bahasa Melayu dalam penggunaan bahasa Melayu yang indah dan cukup bermakna.

Pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi tidak sahaja menyebabkan dunia terasa mengecil, tetapi membawa berbagai-bagai perubahan dalam kehidupan manusia. Perkembangan ini menyebabkan terjadinya pergeseran dan perubahan nilai-nilai budaya (Tenas Effendy, 2015). Hal ini menyebabkan besar kemungkinan mereka akan kehilangan nilai-nilai luhur, yang lambat laun dapat menyebabkan hilangnya keperibadian dan jati diri seseorang. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan konsep 'Malaysia Madani' sebagai langkah mengangkat semula martabat negara dan dihormati semula sebagai negara makmur berteraskan enam teras utama. Enam teras utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Namun, gagasan tersebut bukanlah satu usaha yang mudah apatah lagi di era globalisasi kini yang memperlihatkan pengaruh ideologi barat terlalu mudah meresapi pemikiran dan gaya hidup masyarakat (Suliah Mohd Aris et al., 2023). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menyedarkan orang Melayu tentang keindahan *tunjuk ajar Melayu* iaitu salah satu elemen daripada bahasa berbudaya yang kian dilupakan oleh generasi muda yang dapat membantu pendidikan madani ke arah pembangunan karakter insaniah.

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif:

1. Menghuraikan contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam *Buku Tunjuk Ajar Melayu* yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI.
2. Menjelaskan contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam *Buku Tunjuk Ajar Melayu* yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI.

Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab soalan kajian:

1. Apakah contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI?
2. Bagaimanakah contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI?

Definisi Operasional:

Tunjuk Ajar Melayu

Tunjuk Ajar Melayu ialah segala jenis petuah, petunjuk, nasihat, amanah, pengajaran, dan contoh teladan yang bermanfaat bagi kehidupan manusia dalam erti yang luas (Tenas Effendy, 2004).

Petuah dan Amanah

Petuah dan amanah ialah salah satu bentuk tunjuk ajar Melayu yang lazimnya disampaikan secara langsung oleh orang yang memberikan kepada sesamanya. Penyampaian secara langsung tercermin dalam ungkapan (Tenas Effendy, 2004).

*yang dikatakan petuah amanah:
disampaikan dengan ujung lidah,
ditunjukkan dengan karenah;
dicontohkan dengan tingkah*

TINJAUAN LITERATUR

Pengenalan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh sarjana berkaitan dengan Malaysia Madani dan kajian bahasa berbudaya kerana Tunjuk Ajar Melayu adalah sebahagian daripada bahasa berbudaya untuk mengukuhkan penganalisan data.

Kajian tentang Malaysia Madani

Suliah Mohd Aris et al. (2023) telah mengkaji tentang pembentukan masyarakat Madani berpandukan kaedah pendidikan bersepadu surah Luqman ayat 12-19. Kajian ini menganalisa rangka kaedah pendidikan bersepadu menerusi al-Quran dengan memfokuskan kajian terhadap Surah Luqman ayat 12 hingga ayat 19. Kajian ini menggunakan metod kualitatif, data primer yang diperolehi menerusi kitab tafsir muktabar, buku serta artikel ilmiah yang berotoriti dan seterusnya dianalisis menggunakan metod analisa kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pendidikan bersepadu digunakan oleh Luqman kepada anaknya merangkumi pendidikan akidah, ibadah, akhlak dan dakwah dengan pelbagai teknik yang berkesan. Kaedah tersebut wajar menjadi panduan dalam membentuk insan yang seimbang dan bersepadu serta bertanggungjawab bagi merealisasikan masyarakat Madani.

Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besa. (2023) telah mengkaji tentang pandangan pengundi terhadap slogan “Malaysia Madani” dalam Pilihan Raya Negeri 2023. Kajian ini mengadaptasikan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik di lapangan, temu bual dan juga kaedah kualitatif iaitu rujukan maklumat sekunder iaitu artikel jurnal, bahan persidangan/seminar dan buku akademik yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden pernah dengar istilah ‘Malaysia Madani’ namun mereka tidak faham sepenuhnya slogan tersebut. Meskipun istilah tersebut telah lama disebut PMX iaitu pada tahun 1995 yang lalu namun istilah tersebut tidak mendapat liputan meluas media dan orang ramai. Secara keseluruhannya, pengundi ketika PRN 2023 dapat menerima atau bersetuju dengan istilah Malaysia Madani yang mempunyai nilai hidup yang baik. Meskipun mereka bersetuju dengan istilah dan nilai baik tersebut namun soal sokongan kepada pemimpin, kerajaan dan parti politik adalah soal lain.

Siti Munirah Mohd Faizal Lim, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Haris Abd Wahab (2023) telah mengkaji tentang cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat madani dalam mengadvokasi kesejahteraan warga emas di Malaysia. Kajian ini dilakukan bagi meneliti cabaran- cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat madani di Malaysia di dalam usaha mereka meningkatkan kesejahteraan hidup golongan berusia menerusi advokasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif reka bentuk kajian kes, dan mengumpulkan maklumatnya menerusi temubual separa berstruktur, melibatkan perwakilan daripada pertubuhan masyarakat madani dan agensi- agensi kerajaan. Pemilihan sampel kajian dilakukan mengikut teknik persampelan bertujuan.

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran kritikal yang dihadapi ketika melakukan advokasi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup golongan berusia; antaranya kesedaran yang terhad berkaitan isu warga berusia, halangan kewangan, ketiadaan kordinasi antara kementerian serta kelemahan di dalam pembinaan pakatan antara organisasi. Semua dapatan berkenaan menggambarkan keperluan kolaborasi antara pelbagai pemegang taruh di dalam mengadvokasi kesejahteraan hidup golongan berusia di Malaysia.

Kajian Bahasa Berbudaya

Abang Patdeli Abang Muhi et al. (2018) memperjelas aspek bahasa berbudaya yang merupakan salah satu ciri yang perlu ada dalam kemahiran menulis pada tahap yang sangat cekap seperti yang diuraikan dalam KSBM. Kajian ini berlandaskan objektif untuk mengenal pasti ciri-ciri bahasa berbudayadan menganalisis aspek bahasa berbudaya yang terdapat dalam karangan berbentuk pendapat yang merupakan suatu ruangan tetap untuk pelajar sekolah menengah dalam majalah Dewan Siswa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tempoh masa data tersebut diambil bermula dari bulan Januari 2013 sehingga bulan Disember 2017. Reka bentuk kajian adalah bentuk kualitatif. Kajian ini membantu membina penanda aras aspek bahasa berbudaya pelajar sekolah menengah sama.

Rosli Ab Rahman et al. (2020) menjelaskan bahasa berbudaya dalam penulisan tokoh popular di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada seorang tokoh dalam bidang agama, seorang tokoh dalam bidang sastera, seorang tokoh dalam bidang kebahasaan dan seorang tokoh dalam bidang politik dan budaya. Sampel kajian terpilih ialah Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin, Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin, Dato' Dr. Awang bin Sariyan, dan Tun Rais bin Yatim. Instrumen kajian terdiri daripada dua buah buku karya tokoh-tokoh tersebut. Tempoh kajian selama tujuh bulan bermula bulan Mac 2020 dan berakhir bulan Oktober 2020. Teori kajian yang digunakan untuk menganalisis data ialah Zhang dan Wildermuth (2009).

Berdasarkan dapatan kajian, sampel kajian menggunakan bahasa berbudaya dalam penulisan buku karya tokoh-tokoh tersebut. Bahasa berbudaya yang dikaji tidak dibatasi oleh pengertian umum bahawa bahasa berbudaya ialah bahasa yang sarat dengan unsur-unsur stilistik seperti simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah atau dengan istilah stilistik Barat, bahasa yang dibumbui metafora, simile, personifikasi, depersonifikasi, hiperbola, anafora, rima, asonansi, aliterasi dan yang lain. Bahasa berbudaya yang dikaji meliputi bahasa akhlah, bahasa ilmu, bahasa yang merentas segala ranah sistem sosial masyarakat atau bangsanya, bahasa tinggi, bahasa supra dan bahasa estetik. Kajian ini dapat membantu mengukuhkan konsep bahasa berbudaya dalam Kerangka Standard Bahasa Melayu.

Suriany Mat Noor et al. (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahasa berbudaya yang digunakan oleh tokoh politik terkenal di Malaysia. Sampel kajian ialah Tan Sri Rais Yatim. Instrumen kajian terdiri daripada rakaman video Tan Sri Rais Yatim. Data diambil daripada siri ceramah yang dikendalikan oleh tokoh tersebut yang dimuat naik ke You tube. Tempoh kajian selama empat bulan iaitu bermula Disember 2019 hingga Mac 2020. Teori kajian yang digunakan untuk menganalisis data ialah Zhang dan Wildermuth (2009). Analisis dapatan kajian menunjukkan sampel kajian yang dipilih telah menggunakan bahasa berbudaya dalam siri ceramah beliau. Antara bahasa berbudaya yang digunakan meliputi unsur-unsur stilistik seperti pantun, bidalan, perumpamaan, pepatah atau istilah-istilah barat, bahasa yang dibumbui metafora, personifikasi, anafora, rima, asonansi dan aliterasi serta repitasi. Di samping itu, bahasa yang digunakan oleh sampel kajian juga berupa bahasa akhlah, bahasa ilmu dan bahasa yang merentas segala ranah sistem sosial masyarakat atau bangsanya, bahasa tinggi, bahasa supra serta bahasa estetik.

Rosli Ab Rahman (2021) telah mengkaji tentang bahasa berbudaya dalam bahasa Melayu. Tujuan kajian ini untuk menjelaskan konsep bahasa berbudaya dalam bahasa Melayu. Suntikan bahasa berbudaya dalam bahasa Melayu sebenarnya menjadikan penggunaan bahasa Melayu lebih indah, bermakna dan tepat sesuai dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, bahasa tinggi, bahasa supra dan bahasa estetik. Dalam penulisan ini juga ada dijelaskan perkaitan antara bahasa dan budaya. Unsur stilistik, bahasa akhlah, bahasa ilmu, bahasa supra, dan bahasa estetik sebagai unsur utama dalam bahasa budaya dijelaskan dalam kajian ini.

METODOLOGI

Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengupas tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, prosedur pengumpulan data, dan cara penganalisan data.

Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini dilakukan dengan menggunakan reka bentuk analisis teks. Kajian kualitatif dapat membuka ruang kepada pengkaji yang bertindak sebagai instrumen kajian untuk melakukan interpretasi data kerana pengkaji lebih terikat kepada perasaan, tanggapan, dan penilaian semasa melakukan proses pengumpulan data. (Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman, 2001).

Sampel Kajian

Peserta kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Menurut Alwasilah (2002), pemilihan teknik persampelan yang melibatkan manusia, latar dan kejadian tertentu (unik, khusus, tersendiri ataupun aneh) dapat menjana informasi yang penting kepada pengkaji. Sampel kajian ini ialah buku Tunjuk Ajar Melayu (2004) karya Tenas Effendy, seorang budayawan Melayu yang berasal dari Riau dan telah bergelumbang selama lebih daripada 30 tahun dalam pengkajian budaya Melayu. Beliau telah menghasilkan sekitar 67 judul buku yang sebahagian besar diterbitkan oleh Pemerintah Daerah Riau.

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dilakukan dengan cara:

1. Mengenal pasti tokoh terkenal yang menulis buku menggunakan bahasa berbudaya dalam penulisannya.
2. Setelah dikenal pasti tokoh berkenaan, pengkaji telah memilih buku tulisan tokoh budayawan Melayu yang terkenal di alam Nusantara iaitu Tenas Effendy iaitu buku Tunjuk Ajar Melayu (2004).
3. Pengekoden yang sistematik telah dilakukan iaitu D1 merujuk kepada data 1, D2 merujuk kepada data 2 dan seterusnya.

Penganalisan Data Kajian

Penganalisan data dilakukan berdasarkan Zhang dan Wildermuth (2009). Zhang dan Wildermuth (2009) telah membahagikan cara penganalisan data kepada lapan langkah penting yang terkandung dalam proses analisis kandungan kualitatif. Lapan langkah penting tersebut ialah:

1. persediaan data
2. mentakrifkan unit analisis
3. membina kategori dan skema pengekodan
4. menguji skema pengekodan melalui teks sampel
5. pengekodan teks
6. menilai ketekalan pengekodan
7. kesimpulan daripada data yang telah dikod
8. laporan kaedah dan hasil kajian

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengenalan

Dapatan kajian dilakukan berdasarkan analisis petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam buku Tunjuk Ajar Melayu (2004) bermula dari muka surat 448 hingga 466 sahaja. Analisis ini berfokus kepada contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI.

Soalan Kajian 1

Apakah contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI?

*menolong jangan mengharap balas,
tolonglah dengan hati yang ikhlas
menolong jangan mengharap puji,
tolonglah dengan hati yang suci
menolong jangan mengharap pangkat,
tolonglah dengan dengan ber lurus niat* (D1:ms. 451)

*kalau memberi petuah amanah,
maniskan muka lembutkan lidah
niat semata karena lillah
mohonkan ampun bila tersalah
jangan menyombong menggagah-gagah
jangan bercakap yang tak semenggah
jangan duduk aib terdedah
jangan tegak malu tersimbah* (D2:ms. 453)

*wahai anak dengarlah petuah,
tuntutlah ilmu sehabis nyawa
sakit dan susah jangan dikira
ilmu yang ada harus ditambah
karena pengetahuan tak ada batasnya* (D3:ms. 457)

*kalau hidup engkau melarat,
ringankan tulang kencangkan urat
bekerja keras apa yang dapat
jangan dikira penat dan tenat* (D4:ms. 462)

*wahai anak peganglah amanah,
aib orang jangan disimbah
malu orang jangan didedah
kelemahan orang jangan dicacat
kebodohan orang jangan diungkat*

(D5:ms. 464)

*bila orang datang bertanya,
jawab olehmu dengan jujurnya
bila orang datang berguru,
ajari olehmu mana yang tahu
bila datang orang memfitnah,
butakan mata pekakkan telinga*

(D6:ms. 465)

Soalan Kajian 2

Bagaimanakah contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI?

Dalam D1:ms. 451, Tenas Effendy (2004) berpesan agar murid menolong orang lain dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan, pujian atau kepentingan tertentu seperti mengharapkan pangkat. Teras ihsan ini dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI yang digagaskan oleh kerajaan Malaysia. Berdasarkan D2:ms. 453, petuah amanah menunjukkan cara akhlak terpuji yang sesuai dengan teras MADANI iaitu kesejahteraan. Seseorang murid seharusnya mengamalkan sifat yang terpuji iaitu sentiasa bermanis muka dan bercakap sopan, tidak sombong, dan tidak menjaga tutur kata agar tidak menyakiti orang lain. Hal ini dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI.

D3:ms. 457 menekankan teras kemampunan dalam membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI. Tenas Effendy (2004) mengingatkan murid agar mereka perlu menuntut ilmu tanpa rasa jemu-jemu walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Ilmu perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa jika mereka ingin menjadi manusia yang berguna dan bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Dalam D4:ms. 462, Tenas Effendy (2004) mengemukakan cadangan daya cipta iaitu salah satu daripada enam teras dalam pembentukan karakter insan MADANI. Cadangan tersebut ialah seseorang murid perlu rajin berusaha dengan menggunakan pelbagai strategi agar tidak hidup melarat suatu masa nanti. Malah, mereka perlu bijak menggunakan daya cipta masing-masing dengan bekerja keras tanpa mengira penat dan lelah agar dapat hidup selesa pada masa depan.

Data D5:ms. 464, menekankan teras hormat dalam pembentukan karakter insan MADANI. Tenas Effendy (2004) menegaskan kepada murid agar tidak mendedahkan aib orang kepada orang lain demi menghormati maruah orang lain. Malah, demi menghormati maruah orang lain juga, murid ditekankan agar tidak mencari-cari kelemahan orang lain dan jangan diperkatakan tentang kebodohan orang lain kerana tidak ada manusia yang sempurna dalam hidup ini. Hal ini amat sesuai dalam membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI. Tenas Effendy (2024) dalam D6:ms. 465, menekankan kepentingan teras keyakinan yang perlu ada dalam diri murid-murid sekiranya mereka ingin menjadi orang yang berjaya. Keyakinan tersebut perlu ada semasa berurusan dalam kehidupan seharian seperti ketika ditanya oleh orang lain atau dikemukakan pelbagai soalan oleh orang lain. Malah, sekiranya kita tidak suka terhadap sesuatu perkara, kita perlu mempunyai keyakinan untuk tidak melakukannya. Contohnya, sekiranya ada seseorang datang bertemu kita untuk memfitnah seseorang, kita perlu ada keyakinan untuk menolak kehadiran orang tersebut dengan tidak melayan orang tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menghuraikan contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam Buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI. Di samping itu, contoh petuah amanah guru kepada murid yang terkandung dalam buku Tunjuk Ajar Melayu yang dapat membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI telah dibincangkan selaras dengan enam teras MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Petuah amanah guru kepada murid dapat dijadikan rujukan dalam usaha membentuk iklim dan ekosistem sekolah dalam pembentukan karakter insan MADANI. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneroka pelbagai aspek lain lagi yang terdapat dalam buku Tunjuk Ajar Melayu.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. (2006). *Warkah Melayu Lama*. Dewan. Bahasa dan Pustaka
- Abang Patdeli Abang Muhi et al. (2018). *Kerangka Standard Bahasa Melayu sebagai penanda aras kemahiran menulis bahasa berbudaya dalam karangan berbentuk pendapat pelajar sekolah menengah*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi 2018 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Alwasilah*, Chaedar A. (2002). Pokok kualitatif: Dasar-dasar merancang dan melakukan penelitian kualitatif. PT. Dunia Pustaka.
- Awang Sariyan. (1986). "*Bahasa Melayu tinggi ditinjau dari sudut sintaksis*". dalam *Bahasa Melayu tinggi teori dan penerapann oleh Nik Safiah Karim (Editor)*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H.H. (2012). *How to design and evaluate education research (8th ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Gallop, Annabell. (1994). *The legacy of the Malay letter*. Warisan warkah Melayu. With an essay by E. Ulrich Kratz. Published by the British Library for the National Archives of Malaysia, 1994
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu.*, Jld. 18, 2007: 25-40.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
 Khairulnuar Ismail et al. (2021). *Kerangka Standard Bahasa Melayu Edisi 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lokman et al. (2019). *Modul Penataran Kerangka Standard Bahasa Melayu*. Selangor: Alamedia Sdn. Bhd.
- Maman Suryaman. (2012). *Penggunaan Bahasa di dalam Buku Konteks Pelajaran*. Pusat Kurikulum dan Perbukuan Balitbang, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Research*. London: SAGE Publications, Inc.
- Maxwell, J.A. (2008). *Designing A Qualitative Study*. Dalam *Bickman L. & Rog, D.J., The SAGE Handbook of Applied Social Research Methods (hlm.. 214-253)*. California: SAGE Publications Inc.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran dalam *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S.B. (1998). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Mohd Luqman, Hidayat Ismail dan Ahmad Fuad. (2016). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Proceedings of the ICECRS 1. DOI:10.21070/picecrs.v1i1.638
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noor Akhmarisha, binti Saari and Rusniyati, binti Mahiyaddin (2017) Analisis Linguistik Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam kalangan Pelajar di IPTS. *AL-Lisan International Journal for Linguistic & Literary Studies*, 1 (1). pp. 151-165.
- Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besar. (2023). Pandangan Pengundi terhadap Slogan “Malaysia Madani” dalam Pilihan Raya Negeri 2023 dalam e-Bangi: *Journal of Social Sciences & Humanities* <https://ejournal.ukm.my/ebangi>
- Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman. (2001). Quantitative & Qualitative Research. *Methods dalam Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 17 (1), 120-134.
- Siti Munirah binti Mohd Faizal Lim, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Haris Abd Wahab. (2023). Cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat madani dalam mengadvokasi kesejahteraan warga emas di Malaysia dalam *International Journal Of Social Policy And Society* Vol. 19 2023.
- Suliah Mohd Aris, Fathiah Fathil & Shamsiah Sapri. (2023). Pembentukan Masyarakat Madani Berpandukan Kaedah Pendidikan Bersepadu Surah Luqman Ayat 12-19 dalam *Jurnal ‘Ulwan* Jilid 8 (Bil.3) 2023: 218-232
- Tenas Effendy. (2004). *Tunjuk Ajar Melayu*. Penerbit Adicitra.
- Zhang, Y. dan Wildermuth, B. M. (2009). “Qualitative Analysis of Content”. *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*, ed. B. Wildermuth. Westport, CT: Libraries Unlimited, 2009.